

Buku karikatur Lat *Dr. Who?* diserahkan kepada Dr. Mahathir

Um - 21/12/2004: 8

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 20 Dis. — Dua nama yang disanjung dalam bidang masing-masing, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kartunis Lat ditemukan dalam satu majlis di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Majlis penyerahan buku karikatur *Dr. Who?* karya Lat atau nama sebenarnya, Datuk Mohd. Nor Khalid itu dianjurkan oleh penerbit, Berita Publishing Sdn. Bhd. (BPSB) sebagai penghormatan kepada jasa-jasa bekas Perdana Menteri sepanjang ke-pimpinannya.

Buku tersebut memuatkan himpunan karikatur nukilan Lat yang memaparkan pengamatan beliau terhadap Tun Dr. Mahathir sebelum dan ketika beliau memimpin negara yang pernah disiarkan oleh akhbar *New Straits Times* dalam tempoh 25 tahun lalu.

Pelbagai isu melibatkan Dr. Mahathir bersama ahli-ahli politik tempatan dan luar negara menjadi usikan Lat dalam buku tersebut yang dipasarkan sejak April lalu.

Sehingga hari ini, buku itu telah tiga kali diulang cetak untuk memenuhi permintaan ramai.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,



LAT menyampaikan cenderahati berupa lukisan Selamat Hari Jadi kepada Dr. Mahathir Mohamad sambil diperhatikan A. Kadir Jasin pada majlis pelancaran buku karikatur terbaru *Dr. Who?* di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya, semalam.

Tan Sri Sanusi Junid dan Ketua Pengarang BPSB, Datuk A. Kadir Jasin.

Pada majlis itu juga, Berita Publishing Sdn. Bhd. dan pengu-

rusan Yayasan Kepimpinan Perdana mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari jadi kepada Dr. Mahathir sempena hari lahirnya yang ke-79 hari ini.

Kedua-dua pihak menyediakan pulut kuning dan kek untuk dipotong oleh Dr. Mahathir diiringi oleh nyanyian lagu 'Selamat Hari Jadi' oleh para tetamu jemputan.